

31 AUG 2000

Merdeka-Rangkuman

PERDANA MENTERI SERTAI SAMBUTAN BERSAMA PULUHAN RIBU RAKYAT

SHAH ALAM, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyertai lebih 30,000 rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam sambutan Ambang Merdeka di sini.

Sambutan itu menandakan ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-43 yang berlangsung di Dataran Shah Alam dalam upacara yang penuh warna-warni dan bermakna.

Bendera Jalur Gemilang dinaikkan apabila tiba detik 12 tengah malam yang disambut dengan laungan "MERDEKA" oleh Perdana Menteri, isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ia disusuli dengan pertunjukkan bunga api selama 10 minit yang disambut dengan sorakan oleh mereka yang hadir.

Kumpulan koir telah menyanyikan beberapa lagu patriotik termasuk lagu Jalur Gemilang dan Keranamu Malaysia.

Dr Mahathir yang berada di pentas khas dengan beberapa orang kenamaan lain turut menyanyikan lagu tersebut sambil berdiri dan mengibarkan bendera Jalur Gemilang.

Sambutan bersejarah turut diserikan lagi dengan pertunjukan oleh artis-artis tanahair dan pantomim yang mengimbas kembali sejarah menuntut kemerdekaan negara daripada penjajah British.

Terdahulu, ketibaan Perdana Menteri telah disambut oleh Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzil dan Menteri Besar Selangor Dr Mohd Khir Toyo bersama isterinya.

Sementara itu jalan-jalan yang menuju ke Shah Alam penuh sesak berikutan kebanjiran rakyat Malaysia untuk menyambut Sambutan Ambang Merdeka ini.

Mereka yang datang bukan sahaja terdiri daripada warga kota dan penduduk Lembah Klang tetapi juga warga dari seluruh pelusuk tanah air termasuk pelancong asing.

Orang ramai mula membanjiri Dataran Shah Alam sejak lewat petang tadi.

Di PULAU PINANG, lebih 30,000 orang membanjiri Padang Kota Lama di sini untuk menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan dan pertunjukan bunga api sempena sambutan Merdeka peringkat negeri, malam ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, anggota Exco Kerajaan Negeri, wakil rakyat dan ketua-ketua jabatan.

Selain persembahan nyanyian, persembahan boria oleh kumpulan anak Tanjung turut diadakan bagi memeriahkan sambutan itu.

Tepat pukul 12 tengah malam, Jalur Gemilang dinaikkan oleh Sarjan Zailani Mat Enda dan Sarjan Mustapha Kamal dari 2 Rejimen Askar Melayu Diraja Kem Sungai Ara dan nyanyian lagu Negaraku dimainkan diikuti laungan Merdeka sebanyak tujuh kalir.

Penonton juga dihiburkan dengan persembahan bunga api.

Di ALOR SETAR, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain mengetuai lebih 15,000 orang membanjiri perkarangan Bangunan Tunku di sini malam tadi untuk sambutan Merdeka.

Tepat jam 12.00 malam beliau bersama-sama anggota exco, ketua-ketua jabatan dan pemimpin-pemimpin belia melaungkan "merdeka" sebanyak tujuh kali di atas pentas khas.

Selepas itu orang ramai tidak berganjak untuk menyaksikan tembakan bunga api pelbagai warna selama 30 minit.

Sebelum itu, sepuluh pemimpin belia dari masyarakat Melayu, Cina dan India menyerahkan bendera Jalur Gemilang kepada Syed Razak sebagai tanda simbolik perpaduan.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengetuai kira-kira 10,000 orang di Stadium Sultan Mohd IV di sini melaungkan "Merdeka" sebanyak tujuh kali tepat 12 tengah malam diikuti nyanyian

Negaraku dan majlis menaikkan Jalur Gemilang

Selepas itu diadakan pertunjukkan bunga api yang mampu dilihat oleh orang ramai di seluruh bandar ini yang berlansung selama 10 minit.

Terdahulu, pada majlis "Ambang merdeka" yang bermula pukul 9 malam, orang ramai menyaksikan persembahan Orkestra Simfoni Merdeka, dikir barat, tarian naga dan pertunjukkan seni mempertahankan diri iaitu silat dan Tae Kwan Do..

Semasa berucap pada majlis itu, Nik Aziz meminta rakyat menghargai sumbangan dan pengorbanan tokoh-tokoh negara sebelum zaman merdeka hingga membolehkan generasi sekarang menikmati kebebasan.

Beliau juga menasihati rakyat untuk mengisi kerohanian mereka dengan pegangan agama sejajar dengan tahap pembangunan fizikal negara yang amat pesat dan membanggakan.

Di KUALA TERENGGANU, kira-kira 5,000 orang menghadiri sambutan yang berlangsung di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, di sini malam tadi.

Majlis bermula dengan ceramah kemerdekaan oleh tiga exco kerajaan negeri iaitu Mustaffa Ali, Harun Taib dan Wan Abdul Muttalib Embong. Ia diikuti dengan ucapan Menteri Besar Abdul Hadi Awang.

Tepat pukul 12 tengah malam, Jalur Gemilang dinaikkan dan nyanyian lagu Negaraku dimainkan sambil percikan bunga api menerangi kawasan stadium. Kemudian laungan Merdeka sebanyak tujuh kali dilakukan Abdul Hadi dan diakhiri dengan laungan takbir sebanyak tiga kali.

Terdahulu satu majlis sembahyang hajat berlangsung di Masjid Banggol Tuan Muda, di sini sebagai tanda kesyukuran sempena Hari Kemerdekaan negara.

Sementara itu, Badan Perhubungan Umno negeri turut mengadakan sambutan yang sama di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuala Terengganu di Batu Rakit yang dihadiri kira-kira 5,000 orang.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Idris Jusoh serta beberapa pemimpin Umno negeri melaungkan perkataan 'Merdeka' apabila tepat pukul 12 malam diikuti upacara menaikkan Jalur Gemilang diiringi lagu kebangsaan 'Negaraku'.

Di KANGAR, lebih 50,000 orang membanjiri bandar Kangar malam ini bagi menyaksikan pertunjukan bunga api yang bermula tepat pukul 12 tengah malam.

Terdahulu, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim menyampaikan anugerah Tokoh Pejuang Kemerdekaan kepada bekas guru, Melor Ismail yang terbabit menyemarakkan semangat kaum ibu bagi menuntut kemerdekaan.

Melor, 78, terbabit secara aktif dalam pergerakan wanita Umno Perlis sejak awal penubuhannya.

Beliau menerima sepasang persalinan, sijil, plak dan wang tunai RM1,000.

Anugerah itu dikelolakan bersama oleh kerajaan negeri dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Sementara itu, empat lagi tokoh menerima anugerah khas Pejuang Kemerdekaan iaitu Abdul Rahman Mohamad, Mahyuddin Dato Habib, Datuk Syed Omar Syed Hussin dan Datuk Nordin Ismail.

Di SEREMBAN, kira-kira 3,000 orang membanjiri padang Majlis Perbandaran Seremban untuk menyaksikan Malam Mustika Perpatih 2000 sempena sambutan Merdeka.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Selain persembahan orkestra gabungan muzik tradisional dan tarian tradisional pelbagai kaum, acara lain yang diadakan termasuk persembahan puisi, dramatari, pentomin perjuangan kemerdekaan dan koir lagu patriotisme tanah air.

kemuncak acara ialah upacara menaikkan bendera kebangsaan, Jalur Gemilang pada pukul 12 tengah malam diiringi laungan Merdeka sebanyak tujuh kali.

-- BERNAMA

AZH KM SM NER MNH AYB SBS AD RP RAR FAZ